



KELAB SUKAN DAN REKREASI
LEMBAGA PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN BANDAR (KESUREP)
TINGKAT 13-15, WISMA PERINDUSTRIAN, JALAN ISTIADAT
88400 KOTA KINABALU, SABAH
TEL: 088-287777 FAX: 088-222670

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN PERTANDINGAN DART PIALA PENGURUS BESAR LEMBAGA PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN BANDAR (LPPB)

1.0 Perkara Am

- 1.1 Pertandingan ini dikenali sebagai "Piala Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar (LPPB)" dan dianjurkan oleh kelabnya iaitu Kelab Sukan Dan Rekreasi LPPB (KESUREP).
- 1.2 Penganjuran pertandingan ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan silaturahim antara agensi kerajaan, badan berkanun dan persatuan, di samping membina jaringan kerjasama strategik antara organisasi serta menggalakkan pembudayaan sukan dan amalan gaya hidup sihat.

2.0 Maklumat Pertandingan

Nama Pertandingan : Kejohanan Dart Terbuka "Piala Pengurus Besar LPPB"
Tempat : Dewan Maksak Likas
Tarikh : Cabut Undi
❖ 14 Ogos 2026 (Jumaat)
❖ 7.30 pm
: Masa Pertandingan
❖ 15 Ogos 2026 (Sabtu)
❖ 10.00 am – Pertandingan Bermula
Sasaran Penyertaan : i/ Agensi Kerajaan
ii/ Badan Berkanun
iii/ Persatuan Berdaftar

3.0 Kategori Pertandingan

3.1 Men Double

- ❖ 2 pemain satu pasukan
- ❖ Format 701 x 1 (Round Robin), 501 x Knock Out

3.2 Ladies Single

- ❖ Individu
- ❖ Format 501 x 1 (Round Robin), 501 x Knock Out

4.0 Syarat Penyertaan

4.1 Terbuka kepada kakitangan tetap / kontrak agensi kerajaan dan ahli persatuan.

4.2 Setiap agensi dibenarkan menghantar lebih daripada satu penyertaan.

4.3 Yuran penyertaan;

- ❖ Men Double – **RM250.00**
- ❖ Ladies Single – **RM80.00**

5.0 Undang-Undang Dan Peraturan Am Pertandingan

5.1 Peraturan Am

5.1.1 Semua peraturan pertandingan dan peraturan teknikal adalah berpandukan kepada peraturan-peraturan yang diguna pakai oleh "Word Dart Federation (WDF)" seperti yang diguna pakai oleh Persatuan Dart Malaysia dan peraturan-peraturan sedia ada iaitu "Dart In House Rules" Pertandingan Piala Pengurus Besar LPPB.

5.1.2 Intepretasi bagi peraturan "Dart In House Rules" ke atas pertandingan ini adalah ditentukan dan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pelaksana / Jawatankuasa Teknikal untuk pertandingan ini yang mana keputusan jawatankuasa adalah muktamad.

5.1.3 Pemain dan penyokong/penonton adalah sama sekali tidak dibenarkan merokok atau meminum minuman beralkohol/keras dalam dewan pertandingan sepanjang pertandingan berlangsung.

5.1.4 Setiap pemain akan dibenarkan membuang 6 dart "*(partice dart)*" sebelum perlawanan dimulakan.

5.1.5 Pihak jawatankuasa pelaksana adalah tidak bertanggungjawab ke atas segala kemalangan, kecelakaan dan kehilangan harta benda kepada mana-mana peserta atau pegawai sepanjang pertandingan ini berlangsung.

5.2 Etika Semasa Bertanding

- 5.2.1 Pemain hendaklah berpakaian kemas. Bermain tanpa memakai kasut, berseluar pendek atau menggunakan selipar atau memakai kemeje "T" tanpa kolar atau tanpa lengan adalah tidak dibenarkan.
- 5.2.2 Pemain adalah sama sekali tidak dibenarkan merokok atau meminum minuman beralkohol/keras dalam dewan pertandingan sepanjang pertandingan ini berlangsung dan sekiranya gagal mematuhi peraturan ini, tindakan berikut akan dikenakan kepada pemain;

Amaran Pertama : Amaran secara lisan

Amaran Kedua : Hilang kelayakan bermain untuk perlawanan tersebut

Amaran Ketiga : Hilang kelayakan untuk bertanding

5.3 Bantahan / Rayuan

- 5.3.1 Setiap pasukan boleh membuat bantahan secara bertulis dengan menyertakan wang cagaran bantahan sebanyak **RM300.00** tidak lewat dari 30 minit selepas pemain yang dibantah itu tamat. Wang cagaran tidak akan dikembalikan, ia menjadi wang pemprosesan bantahan/rayuan.
- 5.3.2 Bantahan akan didengar oleh Jawatankuasa Rayuan di bawah Jawatankuasa Kecil Teknikal dan Pengadilan. Keputusan jawatankuasa adalah **Muktamad**.
- 5.3.3 Sekiranya bantahan atau rayuan itu benar dan diterima oleh jawatankuasa, satu keputusan akan dibuat oleh pihak penganjur berhubung dengan bantahan atau rayuan tersebut.

5.4 Tatatertib dan Penggantungan

- 5.4.1 Setiap pasukan mestilah berada di gelanggan pertandingan sepuluh (10) minit sebelum masa yang ditetapkan untuk pertandingan.
- 5.4.2 Jika terdapat pasukan datang lewat sepuluh (10) minit selepas masa yang telah dijadualkan untuk pertandingan tanpa memberi sebarang alasan yang munasabah, maka pasukan tersebut dikira memberi kemenangan kepada pihak lawan.
- 5.4.3 Menarik diri daripada pertandingan tidak dibenarkan. Jika ianya berlaku pasukan tersebut dianggap menarik diri keseluruhan pertandingan. Semua mata yang diperolehi sebelum itu tidak akan diambil kira.

- 5.4.4 Seseorang pemain yang disingkirkan atau dikeluarkan daripada gelanggang pertandingan atas sebab-sebab berkelakuan buruk dan biadap, maka pemain tersebut digantung satu perlawanan berikutnya.

5.5 Jadual Perlawanan

- 5.5.1 Semua jadual perlawanan termasuk tarikh, masa dan tempat perlawanan akan ditetapkan oleh jawatankuasa penganjur pertandingan.
- 5.5.2 Jadual perlawanan yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa penganjur adalah **Muktamad**.
- 5.5.3 Walau bagaimanapun penganjur berhak dan mempunyai kuasa yang mutlak untuk menengguhkan atau membuat sebarang pindaan pada jadual perlawanan dengan memaklumkan kepada pasukan yang terlibat.

6.0 Penutup

- 6.1 Jawatankuasa penganjur berharap agar pertandingan dart ini berjalan dengan baik dan teratur.
- 6.2 Semua Pengurus Pasukan diharapkan agar sama-sama dapat menjaga tatasusila dan disiplin semua pemain masing-masing demi menjaga nama baik pasukan yang diwakili sepanjang pertandingan berlangsung.
- 6.3 Semoga tujuan penganjuran pertandingan ini dapat dicapai dengan jayanya.

Disediakan Oleh;

(MUHAMMAD HAFIZ ENDARA)
Pegawai Sukan KESUREP

Disahkan Oleh;

(AHMAD SHAH MOHD. YACOB)
Pengerusi KESUREP